

22/08/2004

Bahaya tuntutan melampau (HL)

By Mohd Fuad Razali; Magendran Rajagopal; Fazallah Pit

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan anggota parti komponen Barisan Nasional (BN), terutama yang mewakili kaum tertentu, supaya tidak membuat tuntutan melampau kepentingan nasional.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, kerajaan sentiasa berdepan dengan tuntutan daripada pelbagai pihak yang mewakili pelbagai kepentingan dan perlu diambil kira, termasuk parti komponen BN.

"Kita memahami ada perkara yang perlu kita perjuangkan atas kehendak parti kita. Kita juga kena faham dan menyedari kehendak kaum yang kita wakili.

"Saya harap kita semua faham walaupun bertanggungjawab memperjuangkan kepentingan itu. Satu pendekatan perlu kita ambil ialah mesti memastikan ia tidak melebihi dan mengatasi kepentingan nasional atau kepentingan kita semua.

"Sebab yang kita nak wujudkan ialah bangsa Malaysia bersatu, sama-sama maju dan sama-sama berjaya. Insyallah kita akan menjadi bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang pada satu masa nanti," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-58 di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor, di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik.

Dalam ucapan kira-kira 30 minit itu, Abdullah memberi jaminan tidak ada golongan atau kaum dipencilkan dalam sebarang dasar yang dibuat kerajaan BN.

Katanya, sebagai Perdana Menteri sebuah kerajaan yang sudah lama memerintah serta mempunyai tradisi kepemimpinan dan dasar jangka panjang yang perlu dicapai, beliau memahami, menyedari dan menerima tradisi kepemimpinan BN sentiasa berpegang kuat kepada kaedah muafakat dan persetujuan bersama, bukan mengikut suara terbanyak.

"Jika nak ikut suara ramai, teruklah MIC. Kita tidak pakai suara ramai tetapi persetujuan bersama setelah dibincang habis-habisan sama ada dalam Kabinet mahupun kerajaan negeri.

"Walaupun isu itu ada kaitan dengan kaum dan agama tertentu, dalam muafakat BN, kita sedia dan boleh berbincang semua isu ini, walaupun sensitif, dengan bijak, tunjuk penuh hormat dan sikap sederhana yang sentiasa terkawal," katanya.

Sambil menyatakan pendekatan itulah menjadikan kerajaan BN antara kerajaan di dunia yang berjaya menyatupadukan rakyat pelbagai kaum, beliau berkata, tidak mungkin ada mana-mana pemimpin BN menyimpang daripada tradisi yang sudah menjadi amalan itu.

Sehubungan itu, Abdullah menyatakan komitmennya terus berpegang teguh dengan prinsip muafakat, musyawarah dan bekerjasama yang menjadi tradisi kepemimpinan BN itu.

Katanya, rakyat bukan Islam di negara ini tidak perlu bimbang dengan konsep Islam Hadhari yang dibawanya kerana ia adalah satu pendekatan melaksanakan ajaran agama yang bertujuan mengajak orang Islam supaya progresif, sederhana serta sedia bekerjasama dengan sesiapa walaupun berlainan agama.

"Inilah yang saya pegang. Walaupun saya beragama Islam dan keturunan Melayu, apa yang ada kaitan kemajuan kita, rakyat dan masyarakat, kita

akan pastikan ia adil dan saksama untuk semua.

"Kita menolak siapa yang bersikap ekstrem. Kita tidak mengakui sikap melampau adalah ajaran Islam," katanya.

(END)